

**Kuala Lumpur****Cukai soda mampu tingkat pendapatan negara, kurang kos kesihatan**

Usaha kerajaan mahu mengenakan cukai soda atau minuman berkarbonat mampu meningkatkan pendapatan negara selain mengurangkan kos kesihatan rakyat.

Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, jika pelaksanaan cukai terhadap minuman soda ini bertujuan membendung pengambilan gula berlebihan, rakyat juga perlu ubah gaya hidup.

Beliau berkata, cara alternatif ialah dengan mengenakan cukai terhadap gula dan bukan soda semata-mata.

“Cadangan kerajaan untuk membendung pengambilan gula berlebihan melalui minuman soda amat dialu-alukan kerana mengikut statistik, sebanyak 3.6 juta rakyat Malaysia menghidap diabetes, manakala 1.8 juta lagi mungkin menghidap diabetes tetapi tidak

mengetahuinya kerana tidak pernah melakukan pemeriksaan kesihatan.

“Namun, kerajaan juga perlu membuat kajian sama ada soda penyebab utama rakyat Malaysia menghidap diabetes atau penggunaan gula itu sendiri. Sebagai contoh, minuman teh tarik juga menggunakan kuantiti gula yang tinggi.

“Jika ya, ia adalah langkah bijak untuk mengenakan cukai terhadapnya. Saya yakin cukai soda boleh

menambahkan pendapatan negara, namun jika rakyat tidak mengubah gaya hidup dan kos kesihatan terus meningkat akibat penyakit diabetes, ia akan hanya menambah bebanan lain,” katanya.

Sementara itu, Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), berpendapat makanan, minuman atau barangan tidak sihat semuanya wajar untuk dikenakan cukai.

Beliau berkata, ia demi kebaikan jangka masa panjang untuk rakyat dalam usaha mengalakkan hidup yang lebih sihat.

**“Saya yakin  
cukai soda  
boleh tambah  
pendapatan  
negara  
Dr Ahmed  
Razman”**

